

31 OCT 2001

Mahathir-Asean

DR MAHATHIR AKAN HADIR SIDANG KEMUNCACK ASEAN DI BRUNEI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-7 serta sidang kemuncak Asean +3 dan Asean +1 bersama China, Jepun dan Korea Selatan di Brunei pada Isnin dan Selasa ini.

Menurut Wisma Putra hari ini, Perdana Menteri akan mengetuai delegasi yang termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pada Ahad ini, beliau akan menghadiri jamuan malam pemimpin-pemimpin Asean anjuran Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Sidang kemuncak Asean akan berlangsung keesokannya, diikuti jamuan tengah hari dengan pemimpin-pemimpin Asean +3. Sidang kemuncak Asean +3 akan berlangsung selepas itu.

Pada 6 Nov pula, Dr Mahathir akan menghadiri sidang kemuncak Asean +1, masing-masing dengan China, Jepun dan Korea.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir akan juga mengadakan mesyuarat dua hala dengan pemimpin-pemimpin itu semasa sidang kemuncak berkenaan.

Para pemimpin Asean dijangka menilai kemajuan program kerjasama di kalangan negara-negara anggota ekoran Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean ke-4 di Singapura November tahun lepas.

Mereka dijangka membincangkan isu-isu semasa yang mempunyai implikasi terhadap Asean serta cara-cara mengukuhkan kerjasama Asean di bidang pembangunan, ekonomi, perdagangan dan kewangan, kata kenyataan itu.

Sidang kemuncak Asean+3 dan Asean+1 dengan China, Jepun dan Korea akan memberi peluang kepada para pemimpin untuk menilai kemajuan kerjasama Asia Timur.

-- BERNAMA

AKT AHH MAI